

SINONIM

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Cikgu Zaman **mendesak** Yusnita supaya menceritakan perkara sebenar kes buli yang berlaku kepadanya. Perkataan seerti bagi **mendesak** ialah _____.
A merayu
B merungut
C memaksa
D menyuruh
2. Jurutera itu sedang **memantau** kerja-kerja pembinaan di tapak projek itu. Perkataan seerti bagi **memantau** ialah _____.
A melihat
B memerhati
C memintas
D memandai
3. Murid-murid yang menyertai kem motivasi itu mendapat banyak **iktibar** daripada ceramah motivasi sebentar tadi. Perkataan seerti bagi **iktibar** ialah _____.
A keputusan
B pengajaran
C contoh
D pengalaman
4. Lokman **mengeluh** akan nasibnya yang malang .
Perkataan seerti bagi **mengeluh** ialah _____.
A merayu
B merintih
C merungut
D menggerutu
5. Ibu tidak **membenarkan** abang menyertai rombongan sekolahnya ke Kuala Lumpur.
Perkataan seerti bagi **membenarkan** ialah _____.
A mengizinkan
B membolehkan
C menggagalkan
6. Baju Pak Hashim **lencun** kerana hujun lebat .
Perkataan seerti bagi **lencun** ialah _____
A hapak
B kering
C kuyup
D lembab
7. Rambutnya **dipotong** pendek supaya kelihatan lebih kemas.
Perkataan seerti bagi **dipotong** ialah _____.
A digaya
B dituai
C dilapah
D dipangkas

15. Guru besar **menghela** nafas panjang apabila mengetahui murid-murid tahun enam sekolahnya lulus dengan cemerlang.
Perkataan seerti bagi **menghela** ialah _____.
- A menarik
B menahan
C menggesa
D menghirup

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.




16. Jurulatih pasukan bola sepak yang menjuarai pertandingan itu telah **dijulang** oleh pemain-pemainnya kerana kegembiraan. Perkataan seerti bagi **dijulang** ialah _____.
- A diusung
B diangkat
C diangkut
D dijunjung
17. Kamal **melempar** batu ke dalam sungai itu.
Perkataan bagi **melempar** ialah _____.
- A mengada
B mengalih
C mewujud
D membaling
18. Mereka menadah tangan berdoa untuk **memohon** pertolongan Tuhan.
Perkataan seerti bagi **memohon** ialah _____.
- A memantau
B membantu
C mendapat
D meminta
19. Majalah kepunyaan Azli telah **disembunyikan** oleh adiknya di dalam almari pakaian.
Perkataan seerti bagi **disembunyikan** ialah _____.
- A diletakkan
B disimpan
C disorokkan
D dicampakkan

20. Orang yang bersikap **tamak** akan memusnahkan diri sendiri.
Perkataan seerti bagi **tamak** ialah _____.
- A cemburu
B dengki
C haloba
21. Wang sakunya **tercicir** semasa dalam perjalanan ke sekolah.
Perkataan seerti bagi **tercicir** ialah _____.
- A terhapus
B terjatuh
C terkandas
22. Johan **berazam** tidak akan mengulangi kesilapan lalu.
Perkataan seerti bagi **berazam** ialah _____.
- A bersatu
B berpadu
C bertekad
D bersepakat
23. Puan Aminah **membalut** kotak hadiah itu dengan kemas.
Perkataan seerti bagi **membalut** ialah _____.
- A membungkus
B menyarung
C mengurung
D melipat
24. Rumah **usang** itu akan dirobuhkan tidak lama lagi.
Perkataan seerti bagi **usang** ialah _____.
- A uzur
B lama
C lusuh
D reput
25. Ibu **menyajikan** kuih-muih kepada tetamu yang datang ke rumah.
Perkataan seerti bagi **menyajikan** ialah _____.
- A menyiapkan
B menghulurkan
C menyediakan
D menghidangkan
26. Tsunami telah **memusnahkan** banyak bangunan dan harta benda.
Perkataan seerti bagi **memusnahkan** ialah _____.
- A menghancurkan
B membinasakan
C menjatuhkan
D meleburkan

27. Sara **menghantar** e-mel kepada sahabatnya yang berada di Kedah.
Perkataan seerti bagi **menghantar** ialah _____.
- | | |
|------------|------------|
| A mengirim | C membalas |
| B membeli | D menerima |
28. Pokok kelapa di tepi rumah datuk sudah **condong**.
Perkataan seerti bagi **condong** ialah _____.
- | | |
|-----------|-----------|
| A singkat | C bengkok |
| B senget | D tumbang |
29. Cuaca di Cameron Hinglands sungguh **dingin**.
Perkataan seerti bagi **dingin** ialah _____.
- | | |
|---------|---------|
| A panas | C sejuk |
| B angin | D beku |
30. Puan Aini **menggilap** dulang tembaga itu hingga berkilat.
Perkataan seerti bagi **menggilap** ialah _____.
- | | |
|-------------|-------------|
| A menggosok | C menyental |
| B mengusap | D memberus |
31. Nenek memakai cermin mata kerana pandangannya sudah **kabur**.
Perkataan seerti bagi **kabur** ialah _____.
- | | |
|---------|---------|
| A muram | C kelam |
| B suram | D pudar |
32. Petani itu bermandikan keringat kerana bekerja dengan **gigih** di bawah panas matahari.
Perkataan seerti bagi **gigih** ialah _____.
- | | |
|---------|---------|
| A tegap | C tekad |
| B tekun | D tegas |
33. Wakil rakyat selalu mengingatkan masyarakat di kawasannya supaya menjauhi **persengketaan**.
Perkataan seerti bagi **persengketaan** ialah _____.
- | | |
|---------------|---------------|
| A pertarungan | C perbalahan |
| B perdebatan | D persaingan. |

34. Penduduk Taman Cempaka **mengekalkan** cara kehidupan yang mementingkan perpaduan melalui aktiviti Rukun Tetangga.
Pilih perkataan seerti bagi **mengekalkan** ialah_____.
- A membaiki
B memelihara
C melaksanakan
D mengutamakan

Soalan 35 berdasarkan gambar di bawah.



35. Mata keris lama itu diperbuat daripada besi tempawan manakala **gagangnya** pula diperbuat daripada perak.
Pilih perkataan seerti bagi **gagang** ialah _____.
- A sarung
B ukiran
C pangkal
D hulu
36. Dia telah mengemukakan **usul** dalam mesyuarat itu.
Perkataan seerti bagi **usul** ialah _____.
- A rumusan
B cadangan
C keterangan
D rancangan
37. Istana lama itu **unik** kerana dibina daripada kayu tanpa menggunakan sebatang paku pun. **Perkataan seerti** bagi **unik** ialah_____.
- A istimewa
B canggih
C ganjil
D pelik